

NO. SOALAN: ...<sup>18</sup>

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 [ISNIN]**

**SOALAN :**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pungutan zakat di seluruh negara dalam tahun 2014 dan perincikan agihan penyaluran kegunaannya mengikut kategori-kategori lazim yang diguna pakai mengikut jumlah dan peratusannya.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, persoalan mengenai jumlah hasil kutipan zakat dan agihan zakat di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih